

*Buletin*

MINGGUAN

بوليتيك — زار النديم

DARULNAIM

www.upknkelantan.com

FORUM RAKYAT, BICARAKAN MASA DEPAN KELANTAN

KERAJAAN NEGERI BELANJAKAN RM1.75 JUTA NAIK TARAF PUSAT PERANGINAN

PROJEK HOSPITAL BAHARU KBMC BUKA 400 PELUANG KERJAYA

PERUNTUKAN BINA RUMAH DHUAFA' 2 KALI GANDA LEBIH TINGGI TAHUN INI – YAB USTAZ DATO' AHMAD

KOTA BHARU, 8 Jun - Menteri Besar Kelantan, Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob mengumumkan Kerajaan Negeri memperuntukkan dana bagi pembinaan rumah dhuafa' dua kali ganda lebih tinggi pada tahun ini berbanding RM10.67 juta sahaja pada tahun lalu.

Dana tersebut berjumlah RM55.38 juta disediakan untuk membina perumahan rakyat mampu milik di Kelantan pada tahun 2022 termasuk RM22.35 juta bagi program pembinaan rumah dhuafa' kepada penduduk miskin.

Beliau juga menjelaskan biarpun kos bahan binaan meningkat, Kerajaan Negeri Kelantan yang mempraktikkan tontonan Kebajikan terus komited membina rumah tersebut untuk keselesaan penduduk yang kurang berkemampuan.

"Kenaikan kos bagi setiap rumah



dhuafa' bernilai RM55,000 berbanding RM45,000 yang ditetapkan sebelum ini dan syarat pembinaan kekal bagi setiap rumah mempunyai tiga bilik, dapur, tandas dan ruang tamu dan pemohon mestilah memiliki tanah sendiri", katanya selepas Majlis Perasmian Kempen Pemilikan Rumah Negeri Kelantan di Mydin Mall, Tunjong.

Tambahnya, projek pembinaan berterusan sehingga hujung tahun ini

dan peruntukan tersebut boleh juga digunakan untuk membaiki rumah penduduk miskin berharga RM10,000 setiap rumah.

Turut hadir, Pengurus Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REDHA) Kelantan, Muhammad Amir Bakhtiar Yusoff dan Pengurus Pameran Perumahan dan Hartanah Malaysia (MAPEX) Kelantan, Dato' Samsuri Awang Mat.

PROJEK PLSB FASA 2, 3 DILAKSANAKAN SERENTAK



3 akan dilaksanakan serentak bagi menyelesaikan masalah akibat banjir secepat mungkin.

Demikian menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff ketika berucap dalam Program Dialog Ummah Negeri Kelantan Peringkat DUN Gual Periok di Pusat Khidmat DUN Gual Periok.

"Kerajaan telah meluluskan peruntukan bernilai RM879 juta bagi projek fasa dua dan untuk fasa tiga akan menyusul," katanya yang juga Ahli

Parlimen Rantau Panjang.

Tambahnya, dengan siap sepenuhnya projek ini yang dijadualkan pada 2024 akan mampu mengatasi masalah banjir di Rantau Panjang, Pasir Mas, Tumpat, Tanah Merah dan Jeli.

Turut hadir, Timbalan Pengurus Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan, merangkap ADUN Salor, YB Saiful Adli Abu Bakar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gual Periok, YB Ustaz Dato' Mohamad Awang.

RANTAU PANJANG, 8 Jun - Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) untuk Fasa 2 dan

PROFESIONAL ANAK KELANTAN DISERU BERI PANDANGAN BERNAS DEMI KEMAJUAN NEGERI

K E M A K M U R A N



BANGI, 8 Jun 2022 - Majlis Himpunan Profesional Anak Kelantan di Perantauan dihadiri lebih 100 profesional pelbagai bidang, berlangsung di Hotel Tenera.

Majlis anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) tersebut diisi dengan sesi dialog pemimpin Kerajaan Negeri bersama profesional yang hadir bagi mendapatkan pandangan demi kemajuan dan kejayaan negeri

Kelantan.

Timbalan Menteri Besar YB Dato' Mohd Amar Abdullah yang mewakili YAB Menteri Besar Kelantan berterima kasih kepada hadirin atas sokongan dan lontaran idea bernes untuk memajukan Kelantan.

“Peranan anak Kelantan yang berjaya amat besar dalam usaha membantu kerajaan melengkapkan lagi dasar Membangun Bersama Islam (MBI) secara bersama,” katanya

ketika berucap pada sesi penggulungan dialog.

Perkara yang sama juga diucap oleh Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta negeri Kelantan, YB Dato’ Panglima Perang Dato’ Mohd Nassuruddin Daud dalam ucapan aluan dalam majlis tersebut.

Katanya, Islam meletakkan golongan profesional atau pakar dalam sesuatu bidang di tempat yang tinggi sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud “hendaklah kamu bertanya kepada mereka yang mengetahui, sekiranya kamu tidak mengetahui.”

Majlis tersebut turut dilengkapi dengan sesi pembentangan projek pembangunan dan pelaburan negeri Kelantan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pembangunan) YM Dato’ Dr Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal.

FORUM RAKYAT, BICARAKAN MASA DEPAN KELANTAN



KOTA DARULNAIM, 2 Jun 2022 – Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) bakal menganjurkan Forum Rakyat Siri 1 yang bertemakan “Masa Depan Kelantan: Anak Muda” akan berlangsung pada 16 Jun 2022 (Khamis), 8.30 malam bertempat di Dewan Besar Balai Islam Lundang.

Objektif forum tersebut ialah menjadi platform menghimpunkan pemimpin parti-parti politik dan ahli-

ahli akademik untuk menyatakan pendirian dan pandangan dalam sesuatu isu yang timbul khususnya di negeri Kelantan dan Malaysia amnya.

Menurut Pengarah UPKN, YB Ahmad Fathan Mahmood, Forum Rakyat Siri 1 ini akan menampilkan tiga tokoh pemimpin pemuda daripada tiga parti politik bersama ahli akademik dari Universiti Malaya selaku moderator forum untuk membicarakan tentang masa depan Kelantan dari

sudut pandang sisi anak muda.

“Forum ini juga membuka ruang kepada masyarakat dan pemimpin untuk membicarakan tentang masa depan Kelantan secara rasional dan professional. Justeru, semua lapisan masyarakat dijemput hadir untuk sama-sama mendengar dan memanfaatkan ilmu yang bakal diperolehi nanti,” katanya.



KESEJAHTERAAN

KERAJAAN NEGERI BELANJAKAN RM1.75 JUTA NAIK TARAF PUSAT PERANGINAN

KOTA DARULNAIM, 7 Jun – Bagi menarik pelancong domestik dan luar negeri, Kerajaan Kelantan telah membelanjakan RM 1.75 juta bagi tahun 2021 dan 2022 untuk menaik taraf kemudahan di beberapa pusat peranginan di negeri ini.

Antaranya ialah di Lata Kertas Dabong, Pantai Senok Bachok, Jeram Mengaji Pasir Puteh, Zoo Kuala Krai, Pantai Kuala Gel Melawi, Gua Neon Chiku 2 dan Turn Table Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sebagai tinggalan sejarah di bandar Tumpat.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan YB Mejari (B) Md Anizam Ab Rahman berkata, destinasi tersebut



telah disediakan kemudahan seperti surau, tandas, tempat letak kereta dan kiosk perniagaan untuk memberi keselesaan kepada pengunjung yang hadir.

“Kelantan mempunyai daya tarikan yang tersendiri dengan kurniaan alam semulajadi seperti pantai, lata

dan gunung yang mampu menarik pelancong dalam dan luar negara. Justeru, sama-sama kita menjaga tempat-tempat yang menjadi lokasi viral seperti Jeram Mengaji dan lain-lain lagi agar ianya terpelihara sehingga ke generasi akan datang, Insya Allah,” katanya ketika dihubungi.

MAJLIS TTEMU MATO ANAK PERANTAU PARLIMEN KOTA BHARU MERIAH



BANGI, 9 Jun – Majlis “Ttemu Mato Anak Perantau Parlimen Kota Bharu” anjuran Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kota Bharu meriah dengan kehadiran lebih 700 orang perantau yang berada di sekitar Lembah Klang terdiri dari pelbagai kaum dan agama hadir membanjiri dewan Avenue Convention Center, Bangi.

Pelbagai acara dan juadah menarik disediakan untuk pengunjung yang hadir, antaranya hadiah istimewa yang berupa motosikal, laptop, tablet, kipas dan sebagainya turut menanti pengunjung yang bertuan.

Dalam majlis yang sama, Menteri Tenaga dan Sumber Asli YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan yang juga Ahli Parlimen Kota Bharu hadir berucap menyatakan akan semua rakyat sentiasa menjaga hubungan dengan anak perantau agar segala maklumat dan pengisian program berjaya dan secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan serta persahabatan yang ada.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Mas YB Rohani Ibrahim dan ADUN Bunut Payong, YB Dato’ Dr Ramli Mamat.

PROJEK HOSPITAL BAHARU KBMC BUKA 400 PELUANG KERJAYA

KEBERKATAN

KOTA BHARU – Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri, YB Dr Izani Husin memaklumkan projek pembinaan bangunan baharu Kota Bharu Medical Centre (KBMC) menawarkan 400 peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

Menurutnya, tenaga dan kepakaran pekerja tempatan diperlukan bagi menyiapkan pembinaan bangunan hospital setinggi 12 tingkat termasuklah blok bangunan parkir dan klinik-klinik pakar setinggi 11 tingkat yang dijangka bermula pada pertengahan tahun ini.

Kedua-dua blok tersebut dihubungkan melalui jejambat pejalan kaki dengan keluasan tapak bersaiz 2.86 ekar yang dijangka beroperasi selewatnya suku pertama tahun 2025. Berkapasiti 205 katil dan dilengkapi pelbagai fasiliti perubatan terkini antaranya dewan bedah moden, labor



& delivery suite, unit radiografi (MRI, CT scan), pusat saringan kesihatan, unit rawatan rapi, wad rehabilitasi, pusat rawatan kemoterapi dan makmal.

“Terima kasih KBMC selaku hospital swasta pertama di Kelantan yang memulakan operasi pada tahun 1998 di Jalan Sultan Yahya Petra dan

tahniah kerana aktif merancakkan ekonomi Kelantan melalui Medical Tourism. Sekali gus, bakal mengubah landskap dalam sektor penjagaan kesihatan dan hospitaliti di negeri ini”, katanya ketika merasmikan majlis pecah tanah pembangunan projek pada Khamis, 2 Jun.

3 NGO GABUNGKAN 3 TADIKA, DIDIK MURID BERTANI SEMPENA HARI ALAM SEKITAR



PASIR MAS, 6 Jun – Sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada 5 Jun, tiga Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Kelab Komuniti Tani-Ternak Pasir Mas (KITABINA) bersama Kelab Titian Rohani Pasir Mas (KETITIR) dan Persatuan Aspirasi Pasir Mas (ASPIRASI) bergabung menganjurkan program Hijaukan Alam Sekitar Melalui Bertani di perkarangan kebun fertigasi KITABINA, Kampung Beta, Pohon Buloh, Jalan Meranti.

Menurut Pengurus KIABINA,

Fadly Zakaria, program pendidikan tani tersebut dipelan khas bagi menyemai kesedaran mencintai alam sekitar kepada anak-kanak pra sekolah.

“Bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada 5 Jun setiap tahun, KITABINA cuba menghayatinya mengikut cara tersendiri. Kita pelawa anak-anak mewakili tiga tadika yakni Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Al-Huda, Taman Bimbingan Kanak-kanak Jabatan Kemajuan Masyarakat

(TABIKA KEMAS) Restu dan Tadika Tengku Anis Pasir Mas bercucuk-tanam lada Solok”, katanya.

Tambahnya, tarikh berkembar 6/6/22 dipilih supaya kanak-kanak mudah ingat pengalaman pertama kali mereka menanam pokok cili untuk menghijaukan alam sekitar melalui bidang pertanian kerana bertani adalah ibadah.

Kanak-kanak semua gembira mengisi program cuti sekolah dengan belajar teknik menanam lada dan teruja menuai hasil tanaman di kebun fertigasi KITABINA. Pihak pengajur berterima kasih kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meranti, YB Dato' Panglima Perang Dato' Mohd Nassuruddin Daud bersama isteri, Datin Panglima Perang Wan Nor Hanita Wan Yaacob atas kesudian hadir dan menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada hadirin yang mengiringi anak cucu.

KEBAJIKAN

PASAR SUMAYYAH STRATEGIK, JADI TUMPUAN RAMAI



TUMPAT, 7 Jun - Kebanyakan peniaga di Pasar Sumayyah di Bandar Bentara Tumpat berpuas hati dengan lokasi yang strategik dan kemudahan yang disediakan di pasar tersebut berbanding pasar lama.

Selepas lebih empat tahun beroperasi, pasar bernilai RM9.2 juta itu dilengkapi 335 lot kedai di laluan strategik ke bandar Tumpat.

Menurut peniaga pakaian, Rohana Ismail, 56, yang berasal dari Kampung Dalam Rhu, kemudahan

yang disediakan di Pasar Sumayyah lebih praktikal dengan petak parkir kenderaan yang banyak serta ruang niaga yang luas berbanding dengan pasar lama.

“Dari segi jualan, ada peningkatan yang banyak apabila pasar ini mula dikunjungi orang ramai berbanding pada peringkat awal beroperasi,” katanya ketika ditemui.

Bagi peniaga sayur berketurunan Siam, Salin A/P Eh Cheng, 48 yang berasal dari Kampung Kok Seraya

pula, Pasar Sumayyah amat strategik di Bandar Bentara.

“Kelebihannya, pengunjung senang memperolehi barang-barang keperluan harian di satu pusat perniagaan dengan suasana yang selesa khasnya tempat perniagaan buah-buahan dan sayur-sayuran yang selalu menjadi pilihan pengunjung,” katanya.

Peniaga minuman, Che Mat Omar, 74, yang berasal dari Kampung Dalam Rhu turut berpendapat, sambutan daripada pelancong meningkat khususnya pada musim cuti sekolah atau pada musim perayaan disebabkan kemudahan letak kenderaan dan kedudukan yang strategik ke bandar Tumpat.

Beliau berharap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa mempertingkatkan kemudahan infrastruktur untuk keselesaan pengunjung kerana pasar tersebut berpotensi besar untuk terus menjadi tumpuan ramai.

147 ANAK YATIM DUN SEMERAK DISANTUNI

PASIR PUTEH, 6 Jun 2022 - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerak, YB Wan Hassan Wan Ibrahim meluangkan masa khusus bagi menyantuni sambil menyampaikan bantuan Skim Pendidikan Yatim (SPY) Kerajaan Negeri Kelantan kepada 147 orang anak yatim dan anak armalah Dun Semerak. Berbaki 53 orang lagi akan diadakan di majlis akan datang.

Majlis penyerahan SPY atau sumbangan “One-Off” Anak Yatim Kelantan 2022 bagi Dun Semerak ini diadakan secara serentak bagi Siri-1 dan Siri-2 yang melibatkan 18 mukim dengan peruntukan RM20 ribu atau RM100 setiap penerima.

SPY antara skim Cakna Rakyat yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga yang disalur terus melalui 45 Pusat Khidmat Dun (PKD) secara



bersiri iaitu RM10 ribu bagi setiap siri. Mereka yang layak memohon ialah pelajar yang masih berada di institusi

pendidikan dengan mengemukakan surat mati atau surat bercerai ibu atau bapa.



Buletin MINGGUAN دارالنديم

DARULNAIM

www.upknkelantan.com

AKSB KOMITED BERBAKTI MELALUI CSR

KOTA BHARU - Syarikat Air Kelantan Sdn Berhad (AKSB) terus komited berbakti kepada masyarakat dengan menunaikan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Terkini, melalui Unit Komunikasi Korporat, Aksb menyumbangkan 20 kotak air mineral dan 30 kotak makanan ruji kepada Kelab Komuniti Tani-Ternak Pasir Mas (KITABINA) yang menganjurkan Program Kemasyarakatan bersempena Hari Alam Sekitar.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Pengurus Besar Aksb, Datuk Ir P Geol Dr Azuhan Mohamed kepada Pengurus KITABINA, Fadly Zakaria.

Datuk Azuhan berkata Aksb sentiasa bersedia menyokong program kemasyarakatan yang dijalankan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) terutamanya yang melibatkan hadirin



dalam kalangan pelajar, para asnaf, Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas, mualaf, penghuni pondok-pondok keagamaan dan golongan B40.

“Kita mengucapkan syabas kepada KITABINA dengan kerjasama Kelab Titian Rohani Pasir Mas (KETITIR), Persatuan Aspirasi Pasir Mas (ASPIRASI) yang bergabung menganjurkan program menghijaukan alam sekitar khusus kepada para pelajar pra sekolah, kempen

tukar minyak masak terpakai dan banyak lagi acara menarik melibatkan penduduk pelbagai peringkat usia di Pasir Mas pada 6 Jun 2022 di Dewan Nur Meranti Kampung Beta, Pohon Buloh, Pasir Mas.

“Semoga sumbangan ini mampu meringankan beban serta menceriakan para penerima” katanya ketika menyampaikan sumbangan tersebut di Wisma Aksb pada Khamis, 2 Jun.

JELAJAH BAHASA BERKERETA API 2022 DEDAH PENGALAMAN BAHARU KEPADA PENDUDUK DABONG



KUALA KRAI, 8 Jun – Program Jelajah Bahasa Berkereta Api 2022 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT) dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN Dabong dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) berlangsung selama dua hari bermula 8 hingga 9 Jun di Dataran Gua Ikan, Dabong.

Menariknya, acara Pertandingan Cekap Jawi, Pertandingan Bijak Bahasa,

Persembahan Dikir Spontan, Baca Sajak Spontan dan Deklamasi Puisi Tradisional telah dimulai ketika dalam gerabak kereta api dari Stesen Wakaf Bharu ke Stesen Dabong dan Gua Ikan Dabong pada pagi 8 Jun.

Manakala Pertandingan Bijak Bahasa, Pertandingan Pengisahan Cerita Rakyat, Pertandingan Mewarna dan Lakonan Spontan serta Dendangan Lagu Puisi pula telah diadakan sejurus selesai solat dan makan tengah hari di Dataran Gua Ikan.

Seterusnya, Malam Ekspres Bahasa berlangsung sekitar pukul 9 malam dan dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dabong, YB Ku Zaki Ku Hussin. Disusuli persembahan Lagu Puisi, Dikir Barat dan Wayang Kulit.

YB Ku Zaki berterima kasih kepada DBPWT dan menyifatkan program

seumpama itu amat bermanfaat kerana mampu mendedahkan pengalaman baharu kepada masyarakat di pedalaman Kelantan dengan ilmu kebahasaan dan kesusasteraan yang tinggi.

“Sewajarnya program yang baik begini diadakan secara kerap dan berkala supaya penduduk luar bandar mengetahui betapa tinggi dan indahnya nilai kesusasteraan Melayu. Di samping itu, kita di Dabong yang dulunya tersohor dengan sebutan Ulu Kelantan ini berpeluang membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul dalam penggunaan bahasa sehari-harian khususnya dalam bidang penulisan”, katanya.

Program turut dimeriahkan lagi dengan acara Senamrobik, Pertandingan Roda Bahasa dan Pengisahan Cerita Rakyat pada hari terakhir.